



**KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA**  
Director General of Education Malaysia  
**ARAS 8, BLOK E8**  
Level 8, Block E8  
**KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E**  
Government Complex Parcel E  
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
Federal Government Administrative Centre  
**62604 PUTRAJAYA**



**KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA**

Tel: 03-8884 6077  
Faks: 03-8889 4548  
Laman Web: www.moe.gov.my



Ruj. Kami: KP(BTP-PENT)S/8800/50/25 -10 Jld 7(24)  
Tarikh : 11 Ogos 2016

**Semua Pengarah Bahagian  
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

*Diperjajkan juga kepada  
UAPP BPPW dan BTPB dan  
PKG.*

YBhg. Datuk/ Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

*Zaidi Bin Yazid*  
Pengarah  
Bahagian Teknologi Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
15/8/16

## **MAKLUMAN PELAKSANAAN PROJEK PERKHIDMATAN 1BESTARINET FASA 2 KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Saya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mendapat kelulusan dari Kementerian Kewangan bagi melaksanakan perkhidmatan 1BestariNet Fasa 2 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang bermula pada **1 Julai 2016**.
3. Sehubungan itu, **semua sekolah WAJIB mengoptimumkan penggunaan perkhidmatan 1BestariNet** terutamanya dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP).
4. 1BestariNet adalah salah satu inisiatif utama dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang menyokong Anjakan 7, iaitu memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di negara ini.
5. Berikut adalah senarai perkhidmatan yang disediakan dalam projek 1BestariNet Fasa 2 (perincian seperti di **Lampiran 1**):
  - i. Penyediaan lebar jalur sekolah yang terurus berdasarkan bilangan makmal komputer sekolah yang dibekalkan oleh KPM untuk PdP;

- ii. Penambahan dan penambahbaikan ciri-ciri dan kemudahan dalam pelantar VLE FROG;
- iii. Penambahbaikan akses VLE FROG untuk sekolah yang menggunakan talian VSAT dan ADSL;
- iv. Penyediaan Pelan Data Individu Untuk Guru.
- v. Pemantapan perkhidmatan Keselamatan Terurus;
- vi. Penambahbaikan perkhidmatan pemantauan;
- vii. Pengukuhan Pengurusan Perubahan; dan
- viii. Pemantapan Latihan Jurulatih Utama di peringkat KPM, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Pusat Kegiatan Guru (PKG).


6. Bagi sekolah-sekolah yang menerima lebar jalur 4G, bersama-sama ini disertakan **Panduan Pengurusan Peranti Pembekal Lebar Jalur Di Sekolah-Sekolah 4G Bagi Pelaksanaan 1BestariNet Fasa 2 KPM**. Sekolah-sekolah mesti merujuk panduan ini bagi memastikan kelancaran proses pengurusan lebar jalur di sekolah dan pelan lebar jalur guru.

7. Manakala untuk sekolah-sekolah yang menggunakan ADSL dan VSAT, panduan terperinci akan disediakan oleh pembekal perkhidmatan semasa pemasangan *Frog Appliance* di sekolah iaitu sejenis peranti bagi menambahbaik akses VLE Frog.

8. Sehubungan itu, sila maklumkan kandungan surat ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di JPN, PPD, BTPN, PKG, Pengetua dan Guru Besar sekolah-sekolah di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

**“SEHATI SEJIWA”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**TAN SRI DR. KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF**  
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

MAKLUMAN PELAKSANAAN PROJEK PERKHIDMATAN 1BESTARINET FASA 2 KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN MALAYSIA

Salinan kepada:

1. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Pelajaran)  
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Sektor Operasi Pendidikan
4. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Sektor Dasar dan Pembangunan Pendidikan
5. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Sektor Pembangunan Profesionalisme Keguruan
6. Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)  
Kementerian Pendidikan Malaysia

**SENARAI EDARAN**

1. Rektor  
Institut Pendidikan Guru Malaysia
2. Pengarah  
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
3. Ketua Pegawai Eksekutif  
Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU)
4. Pengarah  
Lembaga Peperiksaan
5. Pengarah  
Bahagian Pembangunan Kurikulum
6. Pengarah  
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
7. Pengarah  
Bahagian Pendidikan Islam
8. Pengarah  
Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
9. Pengarah  
Bahagian Pendidikan Guru
10. Pengarah  
Institut Aminuddin Baki
11. Ketua Nazir  
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
12. Pengarah  
Bahagian Matrikulasi

MAKLUMAN PELAKSANAAN PROJEK PERKHIDMATAN 1BESTARINET FASA 2 KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN MALAYSIA



13. Pengarah  
Bahagian Teknologi Pendidikan
14. Pengarah  
Bahagian Pendidikan Khas
15. Pengarah  
Bahagian Buku Teks
16. Pengarah  
Bahagian Sukan
17. Pengarah  
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan  
Sekolah Kecemerlangan
18. Pengarah  
Bahagian Kokurikulum dan Kesenian
19. Pengarah  
Bahagian Pendidikan Swasta
20. Pengarah  
Majlis Buku Kebangsaan Malaysia
21. Pengarah  
English Language Teaching Centre
22. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Kedah  
Kompleks Pendidikan  
Jalan Stadium  
05604 Alor Star, KEDAH
23. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Pulau Pinang  
Jalan Bukit Gambir  
11700 PULAU PINANG

MAKLUMAN PELAKSANAAN PROJEK PERKHIDMATAN 1BESTARINET FASA 2 KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN MALAYSIA

24. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Perak  
Jalan Tun Abdul Razak  
30640 Ipoh, PERAK
25. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Selangor  
Jalan Jambu Bol 4/3e, Seksyen 4  
40604 Shah Alam, SELANGOR
26. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Sarawak  
Jalan Diplomatik Off Jalan Bako,  
Petra Jaya 93050 Kuching, SARAWAK
27. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan  
Jalan Dato' Hamzah  
70990 Seremban, NEGERI SEMBILAN
28. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Melaka  
Jalan Istana  
75450 Bukit Beruang Melaka, MELAKA
29. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Negeri Johor  
Wisma Pendidikan  
Jalan Tun Abdul Razak  
80604 Johor Bahru, JOHOR
30. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Pahang  
Bandar Indera Mahkota  
25604 Kuantan, PAHANG
31. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu  
Jalan Bukit Kecil  
20604 Kuala Terengganu, TERENGGANU

MAKLUMAN PELAKSANAAN PROJEK PERKHIDMATAN 1BESTARINET FASA 2 KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN MALAYSIA

32. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Kelantan  
Jalan Doktor  
15000 Kota Bharu, KELANTAN
33. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Sabah  
Tingkat 4,5 Dan 7, Rumah Persekutuan  
88300, Kota Kinabalu, SABAH
34. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur  
Persiaran Duta Off Jalan Duta  
50604 KUALA LUMPUR
35. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Perlis  
Jalan Tun Abdul Razak  
01990 Kangar, PERLIS
36. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Labuan  
Aras 10, Blok 4, Kompleks Ujana Kewangan  
Peti Surat 81097  
87020 W.P LABUAN
37. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Putrajaya  
Pejabat Pelajaran Wilayah Persekutuan Putrajaya  
Jalan P16, Presint 16,  
62150 W.P. PUTRAJAYA

## Lampiran 1

**SENARAI KOMPONEN PROJEK PERKHIDMATAN  
1BESTARINET FASA 2****1. Capaian lebar jalur sekolah yang terurus**

Menaik taraf lebar jalur bagi sekolah-sekolah berdasarkan bilangan makmal komputer yang dibekalkan KPM dan penggunaan lebar jalur untuk pengajaran dan pembelajaran (PdP) seperti berikut:

Lebar Jalur	Makmal Komputer	Billik Guru	Pejabat Sekolah
6Mbps	4 Mbps (1 makmal)	1 Mbps	1 Mbps
10Mbps	4 Mbps + 4 Mbps (2 makmal)	1 Mbps	1 Mbps
15Mbps	4 Mbps + 4 Mbps + 4 Mbps (3 makmal)	2 Mbps	1 Mbps

**2. Penambakaan Akses VLE FROG untuk talian VSAT dan ADSL**

Bagi lokasi sekolah yang masih tidak dapat diberikan perkhidmatan 4G, KPM akan terus menyediakan terus perkhidmatan seperti berikut:

- ADSL pada kelajuan dari 384 Kbps sehingga 2 Mbps;
- VSAT pada kelajuan 2 Mbps dengan *contention ratio* sebanyak 1:20;
- Untuk memberikan pengalaman pengguna yang lebih baik bagi VLE, sekolah-sekolah ini akan dibekalkan dengan *Frog Appliance*; dan
- Sebagai permulaan, semua sekolah yang menggunakan teknologi VSAT dan ADSL akan dipasang dengan *Frog Appliance* secara berperingkat. Namun, kemudahan untuk menyelaraskan kandungan VLE setempat dengan aplikasi di Pusat



Data akan dilaksanakan mulai suku tahun keempat 2016 dan dijangka selesai pada suku tahun pertama 2017.

### 3. Kemudahan Pelan Data Individu Untuk Guru

Membekalkan Pelan Lebar Jalur Individu Untuk Guru sebanyak 2GB sebulan bagi tujuan PdP dan PdT kepada 415,000 guru. Penggunaan VLE tidak diambil kira dalam kouta data 2GB. Namun capaian kepada lain-lain laman selain yang dipasang di Pusat Data 1BestariNet dan Pusat Data Enstek akan dianggap sebagai penggunaan bukan untuk tujuan PdP dan PdT.

### 4. Perkhidmatan Keselamatan Terurus

Perkhidmatan keselamatan terurus yang merangkumi tapisan kandungan (*content filtering*), *security* dan *operational support* bagi semua capaian dari rangkaian 1BestariNet ke internet.

### 5. Pertambahan dan penambahbaikan ciri-ciri dan kemudahan dalam pelantar VLE FROG

Menambah baik perkhidmatan Persekitaran Pembelajaran Maya (VLE Frog) dari aspek fungsi dan fitur aplikasi:

- dengan fungsi **Kemudahan Pemindahan Laman (*Site Transfer Facility*)**, pengguna (Guru) yang berpindah ke sekolah baharu boleh membawa bersama laman yang mereka hasilkan di sekolah lama, ke sekolah baharu mereka menerusi VLE;
- fungsi **Wizard Penghasilan Laman (*Site Creation Wizard*)** akan membolehkan pengguna menghasilkan Laman dengan lebih mudah dan pantas dengan Templat Laman yang disediakan oleh anda, sekolah anda ataupun yang sediakan oleh Frog; dan
- maklum balas kepada ibu bapa atau penjaga berkaitan prestasi tugas yang diberikan oleh guru kepada anak mereka di sekolah melalui app 'Frog Assignments' yang boleh dicapai melalui telefon android.

## **6. Latihan Jurulatih Utama**

Latihan VLE KPM setiap tahun untuk tiga (3) tahun untuk 1,200 jurulatih utama dari KPM, JPN, , BTPN, PPD dan PKG yang ditentukan oleh KPM. Setiap sesi latihan adalah selama tiga (3) hari yang merangkumi aspek penambahbaikan yang dilaksanakan ke atas VLE serta amalan-amalan terbaik yang boleh dicontohi.

## **7. Pengurusan Perubahan**

- Menyediakan perkhidmatan khidmat bantu kepakaran pädagogi dan teknikal dalam pengurusan VLE secara berkesan dalam PdP di dalam dan luar sekolah;
- Penyediaan bahan kesedaran dalam bentuk video dan media agar latihan berterusan dapat dilaksanakan kepada pengguna di sekolah-sekolah untuk menerima pakai VLE; dan
- Mengadakan sesi 'town hall' untuk sekolah-sekolah yang memerlukannya bagi meningkatkan 'uptake' dan pembelajaran.

## **8. Dashboard Penggunaan**

Dashboard disediakan bagi tujuan pemantauan berteraskan keberhasilan Perkhidmatan 1BestariNet Fasa 2 di peringkat KPM, JPN, BTPN, PPD, PKG dan sekolah.